

Banjir kilat dua kampung diselesai berperingkat

Kluang: Masalah banjir kilat di Kampung Tengah dan Kampung Tengah Dalam, dekat sini, akan diselesaikan secara berperingkat menerusi projek menaik taraf sistem perparitan di kedua-dua kampung berkenaan.

Usaha itu dijalankan menerusi peruntukan Majlis Perbandaran Kluang (MPK), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Pejabat Daerah Kluang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kahang, Md Jais Sarday, berkata kerja naik taraf itu perlu dijalankan dengan terancang supaya masalah limpahan air tidak lagi berlaku terutama pada musim tengkujuh.

Katanya, kedua-dua kampung

itu menjadi kawasan pertama berlaku banjir setiap kali hujan lebat kerana kedudukannya agak rendah, selain sistem pengairan yang tidak teratur.

Perparitan tidak diselenggara

“Hasil tinjauan, saya mendapati kebanyakan parit dan longkang di kedua-dua kampung terbabit tidak diselenggara dengan baik menyebabkan limpahan air sering berlaku setiap kali hujan lebat.

“Sehubungan itu, MPK, JPS dan Pejabat Daerah perlu menjalankan langkah bersesuaian bagi menyelesaikan masalah sistem perparitan di kawasan berkenaan,” katanya selepas meninjau masalah penduduk kawasan ber-



Md Jais (tiga dari kanan) meninjau masalah perparitan di Kampung Tengah dan Kampung Tengah Dalam, Kluang. [FOTO ADNAN IBRAHIM/BH]

kanaan, di sini semalam.

Turut serta, wakil MPK, JPS, Pejabat Daerah Kluang, Pejabat Tanah Daerah dan Ahli Majlis MPK.

Pada masa sama, Md Jais, berkata bagi penduduk kampung juga perlu bekerjasama dengan ketiga-tiga jabatan berkenaan bagi melancarkan urusan menaik

taraf sistem perparitan berikutan kebanyakan kawasan saliran terletak di tanah persendirian.

“Kita berharap menerusi kerjasama penduduk, pembinaan dan usaha menaik taraf sistem perparitan di kedua-dua ini dapat dijalankan dengan lancar bagi kemudahan serta kepentingan orang ramai,” katanya.